LHDN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN

*MANAGING TAX ECOSYSTEM FOR SUSTAINABLE GROWTH*

# 2014



www.hasil.gov.my

2015 Penerbitan
© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2015

Hak Cipta Terpelihara. Artikel-artikel, ilustrasi dan isi kandungan ini tidak boleh diterbitkan semula, secara keseluruhan atau sebahagian, dalam sebarang bentuk atau apa-apa cara sekalipun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 1675 - 1612




# KANDUNGAN

Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah 4
Perutusan Ketua Pengarah 8

BUDAYA **KORPORAT**
- Visi, Misi, Objektif, Dasar Kualiti, Slogan, Moto Perkhidmatan 12
- Fungsi LHDNM 13
- Tanggungjawab LHDNM 15

TADBIR **URUS**
- Anggota Lembaga 18
- Pengurusan Atasan 20
- Carta Organisasi 21
- Pernyataan Tadbir Urus Korporat 22

PRESTASI **KORPORAT**
- Kutipan Hasil 28
- Kecekapan Pengurusan Cukai 29
- Pematuhan Cukai
  - Audit Cukai 30
  - Audit Pindahan Harga 31
  - Audit Potongan Cukai Bulanan (PCB) 32
  - Kunjungan Mesra Hasil 32
- Penguatkuasaan dan Pendakwaan
  - Program Siasatan 33
  - Tindakan Larangan Meninggalkan Negara 33
  - Tindakan Guaman Sivil 34

- **Pemungutan**
  - Pungutan Melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) **34**
  - Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran **35**
  - Pengurusan Tunggakan Hasil **36**
  - Pungutan Cukai Pegangan **36**
- **Perkhidmatan Pelanggan**
  - Bayaran Balik **36**
  - Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) **37**
  - Pusat Khidmat Hasil (PKH) **38**
  - Kemudahan Bayaran Cukai **39**
  - Kaunter Setempat **39**
- **Program Pendidikan Cukai**
  - Aktiviti Program Pendidikan Cukai **40**
  - Khidmat Sokongan Peniaga **40**
  - Pegawai Perhubungan Cukai (TRO) **41**
  - Program HASiL4U **41**
  - Seminar Percukaian **42**
  - Lawatan ke LHDNM **43**
  - Kidzania Tax Office **43**
  - Hebahan dan Publisiti Menerusi Media **44**
  - Penerbitan LHDNM **45**
- **Perkhidmatan Elektronik** **46**
- **Pembesaran Asas Cukai** **48**
- **Hak Pembayar Cukai** **48**
- **Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**
  - Pihak Berkepentingan (Stakeholders) **50**
  - Pendidikan **50**
  - Alam Sekitar **50**
  - Komuniti **52**

PERHUBUNGAN **ANTARABANGSA**
- **Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)** **56**

PEMBANGUNAN **ORGANISASI**
- **Pembangunan Sumber Manusia**
  - Program Latihan Dalaman **60**
  - Pencapaian Program Latihan **61**
  - Program Latihan Antarabangsa **61**

BUDAYA KERJA **BERPRESTASI TINGGI**
- **Pelaksanaan KPI LHDNM 2014** **66**
- **Piagam Pelanggan** **68**

ANUGERAH & **PENGIKTIRAFAN**
- **Senarai Anugerah & Pengiktirafan** **72**

EJEN KUTIPAN **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**
- **Prestasi Pemungutan PTPTN** **78**

BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA **(BR1M)** **80**

DIREKTORI **LHDNM** **84**

DIARI **HASiL** **92**

PENYATA **KEWANGAN** **106**

ANALISA PENYATA **KEWANGAN** **144**

# LAPORAN PENGERUSI **LEMBAGA PENGARAH**




**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Sekali lagi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mencatat sejarah apabila berjaya mengutip cukai langsung sebanyak RM133.700 bilion iaitu 3.70% kenaikan berbanding tahun 2013. Kejayaan ini amat berharga kerana LHDNM secara terus menerus mampu mengekalkan kutipan cukai dalam zon tiga (3) digit semenjak tahun 2011 di samping berjaya mendapat pelbagai pengiktirafan sepanjang tahun 2014. Pencapaian ini adalah bertepatan dengan tema LHDNM, *"Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth"*. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada seluruh jentera pengurusan dan hasilian kerana telah bertungkus lumus memikul tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat sebagai pentadbir cukai negara. Komitmen, kegigihan dan kesepaduan tekad serta tahap produktiviti yang dijana oleh semua yang terlibat adalah amat membanggakan.

Saya menaruh harapan yang tinggi kepada LHDNM untuk mengekalkan momentum kecemerlangan ini dan mencapai sasaran tahun 2015 yang telah ditetapkan oleh kerajaan walaupun terpaksa berdepan dengan perubahan persekitaran yang bakal memberi kesan langsung kepada kutipan hasil. Sehubungan itu, demi melestarikan pencapaian prestasi yang cemerlang dari masa ke semasa, LHDNM perlu bijak dalam menangani segala permasalahan yang bakal dihadapi serta mengambil langkah berani dengan mengubah pendekatan dan cara kerja bagi memastikan segala ruang, peluang dan potensi yang ada akan dapat digunakan untuk memaksimakan kutipan cukai.

Bagi meneruskan perjuangan mencipta kemajuan, LHDNM telah menetapkan lima (5) matlamat utama di mana pencapaiannya adalah seperti berikut:-

**1. Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama.**

a) Kutipan Cukai – LHDNM telah berjaya mengutip cukai langsung kerajaan sebanyak RM133.700 bilion dalam tahun 2014 dengan peningkatan sebanyak 3.70% berbanding tahun 2013.

b) Akaun Belum Terima (ABT) – Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 692,253 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki ABT sebanyak 70.97% yang melibatkan amaun RM5.937 bilion.

c) Kecekapan Kos Pungutan – Seiring peningkatan dalam kutipan cukai, LHDNM turut mencatatkan pencapaian kecekapan kos pungutan sebanyak RM1.03 iaitu tidak melebihi RM1.14 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut.

**2. Menanam kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian.**

a) Audit (Audit Luar dan Audit Meja) – Pengauditan fail-fail syarikat iaitu fail C,CS,TA,TC,dan TR telah berjaya diambil tindakan sebanyak 17.37% berbanding dengan sasaran sebanyak 12% daripada jumlah fail aktif; fail-fail individu OG,D,TP,F,FA dan J telah diambil tindakan sebanyak 29.59% berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak 22.53% daripada jumlah fail aktif; Fail-fail penggajian individu iaitu fail SG telah diambil tindakan sebanyak 27.73% melebihi 7.73% daripada sasaran yang ditetapkan dan fail-fail PCB Majikan telah diambil tindakan sebanyak 15.34% berbanding dengan sasaran iaitu 11% daripada jumlah fail aktif.

b) Siasatan – Bagi aktiviti siasatan jumlah kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 689 kes berbanding dengan jumlah sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 554 kes.

c) Bayaran Balik – Sebanyak 99.85% daripada jumlah permohonan kes pembayaran balik diterima telah dapat diselesaikan berbanding dengan sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 94% daripada jumlah permohonan diterima.

**3. Memperluaskan asas cukai.**

a) Semua Jenis Fail – Terdapat peningkatan sebanyak 5.12% fail yang didaftarkan berasaskan jumlah fail aktif berbanding 3.02% sasaran yang ditetapkan.

**4. Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa.**

a) Perkhidmatan elektronik LHDNM – 3,300,078 Borang Nyata diterima berbanding dengan KPI yang ditetapkan sebanyak 2,800,000.

**5. Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi.**

a) Latihan – LHDNM telah berjaya menjalankan sebanyak 243 (87.7%) kursus seperti yang telah dirancang.

b) Kompetensi pegawai dan staf – 79.34% pegawai LHDNM mencapai 56 jam latihan.

Seterusnya, dalam usaha mencapai sasaran sebanyak RM142 bilion pada tahun 2015, LHDNM perlu memberi tumpuan utama kepada perkara-perkara berikut:

**i. Memastikan tahap 'visibility' aktiviti penguatkuasaan berada di tahap yang tinggi.**

**ii. Meningkatkan kualiti penyelesaian audit, siasatan, tindakan pemungutan dan kualiti keputusan pengarah-pengarah.**

Kita sedia maklum bahawa kerajaan mempunyai keyakinan yang besar terhadap keupayaan LHDNM sebagai agensi pelaksana bagi Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) yang diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Ini terbukti apabila LHDNM diberi pengiktirafan untuk terus mengurus BR1M semenjak ia mula diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga kini membawa kepada BR1M 3.0 di mana pelaksanaan tahun ketiga ini telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2014) pada 25 Oktober 2013. Pendaftaran BR1M bermula 23 Disember 2013 sehingga 31 Januari 2014. Manakala tempoh rayuan bermula 1 April 2014 dan berakhir pada 30 Jun 2014. Seramai 6,966,182 atau 86% daripada 8.1 juta permohonan yang diterima layak mendapat BR1M. Aktiviti pendaftaran dan pemprosesan BR1M merupakan suatu aktiviti yang sangat berbeza daripada *core business* LHDNM, iaitu sebagai pentadbir sistem percukaian langsung negara. Namun dalam hal ini, LHDNM telah berjaya melaksanakan satu program kerajaan sebagai usaha untuk memenuhi harapan golongan yang berpendapatan rendah.

Bermula tahun 2015, LHDNM bakal melalui perubahan status kepada Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan Sepenuhnya atau *Self-Financing*. Ini bermakna LHDNM akan memulakan proses peralihan secara berperingkat kepada pengurusan autonomi sepenuhnya di mana cara pengurusan organisasi juga akan berubah dengan memberi lebih penekanan kepada *lean management concept*. Justeru, LHDNM tidak lagi boleh mengikut rentak lama sekiranya ingin terus kekal sebagai sebuah pentadbir cukai bertaraf dunia.

Akhir sekali, selaku Pengerusi Lembaga, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jentera pengurusan serta seluruh hasilian atas komitmen yang telah diberikan sepanjang tahun 2014. Sesungguhnya, saya sangat menghargai sumbangan, sokongan padu dan usaha hasilian semua dalam meraih kejayaan gemilang organisasi di samping turut cemerlang dalam pelbagai aspek termasuk sukan, seni budaya dan inovasi. Kepada semua hasilian, '*You Are The Unsung Heroes Of Malaysia's Development*'. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Tidak dilupakan, ucapan setinggi-tinggi terima kasih ini juga ditujukan kepada barisan Anggota Lembaga atas pandangan, buah fikiran

dan khidmat yang diberi untuk faedah organisasi LHDNM keseluruhannya. Marilah kita sama-sama membulatkan tekad untuk berusaha dengan lebih gigih dan ikhlas bagi memenuhi hasrat dan tanggungjawab yang diamanahkan. Semoga tahun 2015 dapat disaksikan sekali lagi sejarah kutipan cukai langsung tertinggi negara yang bakal dicipta oleh LHDNM.

Sekian terima kasih.

**TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH**
**Pengerusi**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



# PERUTUSAN **KETUA PENGARAH**




**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

**Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana masih diberi peluang untuk menerajui organisasi tercinta ini, mendokong mandat dan melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan dan rakyat. Tahun 2014 ini merupakan tahun keempat (4) kita menyaksikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus memartabatkan dirinya ke tahap yang lebih membanggakan. Ini terbukti dari segi jumlah kutipan cukai langsung yang berjaya dipungut iaitu sebanyak RM133.700 bilion atau 3.70% meningkat berbanding tahun 2013, sekaligus menjadikannya jumlah tertinggi dalam sejarah kutipan cukai langsung negara.**

LHDNM menerusi tema ***"Managing Tax Ecosystem for Sustainable Growth"*** telah berjaya menggerakkan keseluruhan sistem untuk berfungsi dengan cekap dan berkesan sehingga mampu merealisasikan impian yang dicipta. LHDNM tetap berani menyahut cabaran melonjakkan jumlah kutipan cukai secara konsisten walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi yang serba mencabar. LHDNM terus maju ke hadapan, memacu prestasi ke peringkat yang lebih tinggi.

Namun demikian, sebagai sebuah agensi kerajaan yang merupakan tulang belakang kepada penjanaan sumber pendapatan terbesar kerajaan, LHDNM perlu peka dengan cabaran mendatang yang memerlukan kekuatan untuk menanganinya dengan matang dan bijaksana. Oleh itu, LHDNM harus keluar dari zon selesa dan bersedia mengambil langkah berani untuk melakukan apa yang perlu bagi memastikan kutipan yang memberangsangkan terus dicapai pada masa akan datang.

Dalam konteks ini, LHDNM perlu sentiasa mengikuti dengan rapat segala perkembangan yang berlaku, dalam senario ekonomi dunia semasa dan jangkaannya pada masa hadapan, kerana faktor ini sangat berkait rapat dengan bagaimana kerajaan perlu bertindak balas dengan cekap dan berkesan, sekiranya menerbitkan ancaman atau memberi tempias kepada kestabilan ekonomi negara.

Ancaman-ancaman dalam persekitaran ekonomi dunia seperti inilah, yang menjadikan setiap negara sentiasa bertungkus lumus untuk melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan perancangan strategik, demi membangunkan negara masing-masing, agar tidak terperangkap dan menjadi mangsa kepada persaingan dalam pasaran terbuka ini.

Justeru, LHDNM perlu sentiasa melestarikan pelbagai strategi, inisiatif dan perubahan, yang secara kumulatifnya telah terbukti membuahkan kejayaan dalam jumlah kutipan cukai ini, baik secara dalaman mahupun secara luaran kepada organisasi. Saya percaya, dengan adanya ***sense of unity and belonging*** yang kuat di kalangan seluruh hasilian, LHDNM mampu berdiri teguh dan kekal di puncak kejayaan.

Hakikatnya, tidak ada pulangan yang lebih berharga, lebih bernilai dan lebih bermakna, atas segala usaha gigih dan penat lelah yang telah dicurahkan ini, selain daripada kejayaan menyumbang dan memahatkan nama organisasi tercinta ini, dalam sejarah jumlah pungutan cukai langsung tertinggi negara. Terima kasih hasilian. **Anda adalah wira negara.**

Akhir sekali, kejayaan berterusan bukan satu jaminan, sebaliknya adalah satu cabaran untuk memastikan momentum kecemerlangan LHDNM tidak berhenti di sini, sebaliknya akan terus mara ke hadapan seiring dengan visinya sebagai pentadbir cukai terunggul. Walau apapun cabaran yang mendatang, tiada apa yang mustahil untuk ditangani. ***'Nothing Is Impossible And Impossible Is Nothing'.***

Sekian, terima kasih.



**KOLONEL (K) TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**
**Ketua Pegawai Eksekutif/**
**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**






# BUDAYA **KORPORAT**

*Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth*

# Visi
Pentadbir cukai terunggul

# Misi
Memberi perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan sukarela

# Objektif
Melaksanakan sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil dan saksama

# Dasar Kualiti
Berteraskan integriti, kami komited memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan

# Slogan
Bersama membangun negara

# Moto Perkhidmatan
Perkhidmatan terbaik untuk anda



# FUNGSI **LHDNM**

1. Bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga.

2. Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut.

3. Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara.

4. Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan yang mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

5. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.





# TANGGUNGJAWAB LHDNM

LHDNM adalah bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- Akta Cukai Pendapatan 1967
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986
- Akta Setem 1949
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali yang ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dengan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM seperti berikut:

a. Perlembagaan Persekutuan 1957
b. Akta Tafsiran 1948 dan 1967
c. Akta Had Masa 1953
d. Akta Mahkamah Kehakiman 1964
e. Akta Syarikat 1965
f. Akta Kebankrapan 1967
g. Kanun Tanah Negara 1965
h. Kanun Acara Jenayah (Akta 593)
i. Kanun Keseksaan (Akta 574)
j. Kaedah- kaedah Penggulungan Syarikat 1972
k. Kaedah-kaedah Mahkamah 2012

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes kebelakangan seperti berikut:

a. Enakmen Duti Harta Pesaka 1941
b. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 (Akta 310)








# TADBIR **URUS**

*Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth*

# ANGGOTA LEMBAGA

**TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia

**DATUK WAN SELAMAH WAN SULAIMAN**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia




Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia terdiri daripada:

a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap pengerusi LHDNM
b. Peguam Negara atau wakilnya
c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
d. Dua (2) orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor awam
e. Dua (2) orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta

**DATUK HAJI SHUIB MD. YUSOP**
Konsultan Swasta

**DATO' SITI HALIMAH ISMAIL**
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia



**CIK JUNAIDAH HJ. ABDUL RAHMAN**
Pesuruhjaya Penyemak
& Pembaharuan Undang-Undang
Jabatan Peguam Negara

**ENCIK FADZLI ABDUL WAHIT**
Konsultan Swasta

# PENGURUSAN **ATASAN**

**KOLONEL (K) TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**DATO' DR. SITI MARIAM CHE AYUB**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ( PEMATUHAN )
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**DATO' MOHAMMAD SAIT AHMAD**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ( OPERASI PERCUKAIAN )
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



**DATUK SABIN SAMITAH**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ( PENGURUSAN )
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

**DATO' ABD AZIZ HASHIM**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ( DASAR )
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

# CARTA **ORGANISASI**



Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

## Anggota Lembaga

LHDNM diterajui oleh Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Pengerusi dan enam (6) orang ahli yang mempimpin dan mengawal selia LHDNM. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus LHDNM dan merupakan badan utama yang merangka dan menentukan dasar serta hala tuju LHDNM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

## Komposisi Lembaga Pengarah

Pada tarikh Laporan Tahunan ini, Lembaga Pengarah LHDNM terdiri daripada tujuh (7) anggota. Komposisi anggota Lembaga yang sedia ada telah membuktikan bahawa mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam, operasi perniagaan, kewangan, percukaian dan perundangan. Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dibina melalui penglibatan berterusan secara profesional dalam bidang masing - masing.

## Tanggungjawab Dan Tugas Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan LHDNM. Lembaga Pengarah telah terlibat sepenuhnya dalam perancangan strategik, menjalankan kajian prestasi operasi LHDNM, melaksanakan kawalan dalaman dan menguatkuasakan pematuhan terhadap kehendak undang-undang yang disyaratkan terhadap LHDNM.

Fungsi Lembaga Pengarah yang lebih khusus termasuk tanggungjawab-tanggungjawab berikut:

1. Menilai dan memutuskan cadangan pewujudan dan jawatan.
2. Menilai dan meluluskan cadangan skim perkhidmatan serta terma dan syarat perkhidmatan.
3. Menimbang dan memutuskan cadangan penyusunan semula struktur organisasi LHDNM.
4. Menimbang dan meluluskan struktur gaji, elaun dan kemudahan.
5. Menimbang dan meluluskan cadangan penerimaan pakai atau pindaan pekeliling - pekeliling seperti Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Pekeliling Perbendaharaan, Perintah Am dan lain-lain pekeliling yang berkaitan.
6. Menimbang dan meluluskan anggaran belanja mengurus, pembangunan dan kewangan LHDNM.
7. Menimbang dan meluluskan pendapatan LHDNM serta laporan prestasi kewangan, pembangunan dan pelaburan LHDNM.
8. Menimbang dan meluluskan polisi pelaburan, perdagangan, pinjaman, fi, caj serta apa juga kemudahan yang diberi kepada pekerja LHDNM.
9. Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan dasar-dasar dan hal ehwal percukaian.
10. Menimbang dan meluluskan cadangan perolehan hartanah, pembinaan bangunan / cawangan LHDNM mengikut keperluan semasa dan pembesaran cawangan.

## Mesyuarat LHDNM

Mesyuarat LHDNM dirancang lebih awal dengan tatacara butir maklumat, tempat dan masa. Ini membolehkan Anggota Lembaga merancang jadual dengan sewajarnya untuk memastikan kehadiran yang penuh dalam mesyuarat.

Kertas-kertas cadangan untuk pertimbangan dan perbincangan diedarkan lebih awal bagi memastikan Anggota Lembaga mempunyai masa yang cukup untuk meneliti kertas-kertas cadangan tersebut untuk dibincangkan semasa mesyuarat. Pada tahun dilaporkan, LHDNM telah mengadakan lapan (8) mesyuarat termasuk Mesyuarat Khas LHDNM.

Senarai jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

**Mesyuarat LHDNM (MLHDNM)**
MLHDNM Bil. 1/2014 - 8 Mac 2014
MLHDNM Bil. 2/2014 - 21 April 2014
MLHDNM Bil. 3/2014 - 27 Jun 2014
MLHDNM Bil. 4/2014 - 1 Oktober 2014
MLHDNM Bil. 5/2014 - 3 November 2014
MLHDNM Bil. 6/2014 - 12 Disember 2014

**Mesyuarat Khas LHDNM (MKLHDNM)**
MKLHDNM Bil. 1/2014 - 28 Januari 2014
MKLHDNM Bil. 2/2014 - 25 September 2014



## Pernyataan Risiko

Pernyataan ini menyediakan satu gambaran secara menyeluruh terhadap polisi-polisi pengurusan risiko LHDNM, pematuhan dalaman dan sistem kawal selia.

### Tanggungjawab

Pengurusan Atasan adalah bertanggungjawab ke atas aktiviti pengurusan risiko untuk keseluruhan organisasi. Pengurusan Atasan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Bahagian Pengurusan Risiko menjalankan tanggungjawab keseluruhan atas pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pengurusan risiko dalam LHDNM.

### Skop

Aktiviti pengurusan risiko melibatkan keseluruhan operasi di LHDNM.

### Pengawasan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah menjalankan pengawasan pengurusan risiko dan keberkesanannya melalui kombinasi polisi dan prosedur dalaman serta Jawatankuasa Audit.

### Polisi dan Prosedur Dalaman

Lembaga Pengarah melaksanakan pengurusan risiko melalui polisi dan prosedur dalaman dalam menghadapi risiko strategik dan operasi yang wujud dalam organisasi. Risiko-risiko yang wujud ini akan memberikan kesan terhadap:

**- Strategi**

| | | |
|---|---|---|
| **-Pematuhan** | **- Operasi** | **- Sistem** |
| Audit | Aset dan Perolehan | **- Reputasi** |
| Siasatan | Kewangan | **- Bencana** |
| Pungutan Hasil | Undang-Undang | |

### Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan LHDNM

Peranan Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan LHDNM adalah memperakukan dan memantau pengurusan risiko.

### Ahli Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan LHDNM

Pengerusi
**YBhg. Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman**
Akauntan Negara Malaysia

Ahli
**YBhg. Datuk Hj. Shuib Md. Yusop**
Konsultan Swasta

**YBrs. Encik Fadzli Abdul Wahit**
Konsultan Swasta

## Amalan Terbaik Tadbir Urus

Pengurusan risiko membolehkan amalan-amalan terbaik tadbir urus diseragamkan dalam LHDNM. Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 "Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus" yang telah dikeluarkan pada 30 November 2009, kementerian, jabatan dan agensi dikehendaki mengamalkan teknik-teknik pengurusan risiko sebelum melaksanakan sesuatu projek atau program terutamanya yang berisiko tinggi untuk meminimumkan risiko semasa pelaksanaannya. Oleh itu, LHDNM mengguna pakai arahan ini untuk memperkukuhkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran LHDNM.




Jan
Feb
Mar
Apr
May
Jun
Jul
Aug
10
9
8
7
6
5
4
3



# PRESTASI **KORPORAT**

*Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth*

## KUTIPAN HASIL

LHDNM berjaya mengutip cukai langsung kasar berjumlah RM133.700 bilion pada tahun 2014 dengan mencatat 3.70% peningkatan berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak RM128.933 bilion. Kejayaan ini adalah hasil komitmen dan kerja keras seluruh hasilian dalam memungut cukai yang disasarkan melalui pelaksanaan aktiviti fungsi masing-masing di samping faktor ekonomi stabil yang turut menyumbang kepada kejayaan peningkatan kutipan.

### Kutipan Cukai Langsung Kasar Berbanding Hasil Kerajaan Persekutuan




Cukai langsung bersih adalah cukai langsung kasar yang ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai berjumlah RM7 bilion. Terdapat peningkatan dalam jumlah kutipan cukai langsung bersih walaupun terdapat sedikit penurunan dalam peratusan kutipan berbanding sasaran disemak kerajaan dalam tahun 2014.

### Kutipan Cukai Langsung Bersih Berbanding Sasaran Disemak Kerajaan




Komponen cukai pendapatan seperti cukai syarikat, individu dan petroleum merupakan antara penyumbang utama dalam menghasilkan keseluruhan kutipan hasil cukai langsung kerajaan dalam tahun 2014, di mana masing-masing mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 52.32%, 19.94% dan 20.17% berbanding tahun 2013 iaitu 50.49%, 23.08% dan 19.09%. Cukai pendapatan syarikat dan individu didapati meningkat berbanding cukai pendapatan petroleum pada 2014. Ini adalah disebabkan pertumbuhan guna tenaga dan upah yang stabil serta pengemaskinian Potongan Cukai Bulanan (PCB) oleh majikan manakala harga minyak mentah (tapis) pula mengalami sedikit penurunan.

Cukai langsung lain yang terdiri daripada Duti Setem, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan dan cukai lain masing-masing menyumbang kepada 4.83%, 0.92%, 0.02% dan 0.021%. Peningkatan dalam hasil cukai langsung lain ini adalah disebabkan pertumbuhan positif sektor harta tanah dengan nilai hartanah yang tinggi, pasaran saham dan sektor insurans serta kesan peningkatan kadar CKHT yang diumumkan dalam bajet 2014.

**2014**




| | Komponen Cukai Langsung | 2014 (RM Juta) |
|---|---|---|
| | Syarikat | 69,948.08 |
| | Petroleum | 26,971.47 |
| | Individu | 26,654.91 |
| | Koperasi | 170.11 |
| | Cukai Pegangan | 2,205.10 |
| | Duti Setem | 6,459.57 |
| | Labuan IOFC* | 26.85 |
| | CKHT** | 1,235.36 |
| | Lain - lain*** | 28.66 |

**2013**




| | Komponen Cukai Langsung | 2013 (RM Juta) |
|---|---|---|
| | Syarikat | 65,103.80 |
| | Petroleum | 29,753.12 |
| | Individu | 24,607.91 |
| | Koperasi | 286.25 |
| | Cukai Pegangan | 2,012.57 |
| | Duti Setem | 6,330.75 |
| | Labuan IOFC* | 20.34 |
| | CKHT** | 787.29 |
| | Lain - lain*** | 30.66 |

* IOFC (International Offshore Centre)
** CKHT (Cukai Keuntungan Harta Tanah)
***Lain-lain (Merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967)

## KECEKAPAN PENGURUSAN CUKAI

Secara keseluruhannya, kos pengurusan yang dibelanjakan bagi memungut setiap RM100 kutipan cukai langsung pada tahun 2014 ialah sebanyak RM1.03. Nisbah ini adalah lebih rendah berbanding KPI tahunan iaitu tidak melebihi RM1.14 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut. Nisbah yang rendah berbanding sasaran KPI ini merupakan petunjuk penting tahap keberkesanan perancangan dan pelaksanaan aktiviti LHDNM yang dibuat dengan memberi penekanan terhadap penambahbaikan kualiti keberhasilan aktiviti yang dilaksanakan serta keberkesanan kawalan kos.

## Audit Cukai

LHDNM telah memberi tumpuan utama kepada pemantapan dan pelaksanaan program audit cukai (audit luar dan audit meja) bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela di kalangan pembayar cukai dan pungutan hasil negara di samping turut menjalankan fokus audit yang merupakan salah satu strategi dan inisiatif dalam *Public Finance Reform*; bertujuan mengatasi ketirisan hasil negara. Prestasi penyelesaian audit cukai bagi kes syarikat dan bukan syarikat adalah seperti di bawah:

### Prestasi Penyelesaian Audit Cukai




Audit luar dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai. Ia melibatkan semakan rekod perniagaan dan turut melibatkan rekod bukan perniagaan bagi milikan tunggal. Pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan audit luar dijalankan oleh pegawai LHDNM. Prestasi audit luar adalah seperti di bawah:

### Prestasi Audit Luar



Audit meja dilakukan di pejabat LHDNM. Ia hanya melibatkan isu-isu yang mudah atau pelarasan cukai yang boleh diselesaikan melalui surat menyurat atau pembayar cukai diminta ke pejabat sekiranya maklumat lanjut diperlukan. Secara umum, audit meja melibatkan pemeriksaan ke atas semua maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan. Prestasi audit meja adalah seperti di bawah:

**Prestasi Audit Meja**




## Audit Pindahan Harga

Selaras kepada pengenalan pindaan Peraturan Pindahan Harga di bawah Seksyen 140A dan Seksyen 138C Akta Cukai Pendapatan 1967 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009, LHDNM telah memberi penekanan terhadap isu pindahan harga luar sempadan dan isu-isu lain berkaitan ketirisan cukai seperti kes yang melibatkan peralihan keuntungan yang sepatutnya dilaporkan di Malaysia ke negara luar atau lebih dikenali sebagai *base erosion and profit shifting* (BEPS).

Tambahan daripada aktiviti audit dan semakan pematuhan pindahan harga yang merupakan antara faktor penyumbang kepada peningkatan penyelesaian kes pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. Prestasi penyelesaian kes audit pindahan harga adalah seperti di bawah:

**Prestasi Penyelesaian Kes Audit Pindahan Harga**



## Audit Potongan Cukai Bulanan (PCB)

Program audit PCB yang diadakan serentak dengan pelaksanaan audit cukai adalah bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam melaksanakan potongan cukai daripada saraan pekerja dan diremitkan ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan. Statistik audit PCB bagi tahun 2014 adalah seperti di bawah:

### Audit PCB

| Tahun | Bilangan Majikan Diaudit | Majikan Tidak Patuh | | Cukai Kurang Dipotong (RM Juta) | Kompaun (RM Juta) | Jumlah Cukai & Kompaun (RM Juta) | Bilangan Kesalahan Didakwa di Mahkamah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bilangan | % | | | | |
| 2014 | 70,331 | 16,780 | 24 % | 100.41 | 13.03 | 113.44 | 1,427 |
| 2013 | 62,717 | 12,479 | 20 % | 59.42 | 8.00 | 67.42 | 1,505 |

## Kunjungan Mesra Hasil

Kunjungan Mesra Hasil merupakan salah satu operasi yang dijalankan oleh LHDNM secara berkala di peringkat kebangsaan dan di peringkat Pejabat Pengarah Negeri LHDNM seluruh Malaysia. Kunjungan Mesra Hasil adalah aktiviti khas pengesanan dan sebagai inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan dan keupayaan LHDNM dalam usaha meningkatkan kutipan hasil.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak tiga (3) operasi Kunjungan Mesra Hasil peringkat kebangsaan telah dijalankan di samping lain-lain operasi di peringkat negeri dan cawangan. Operasi dalam tahun 2014 telah mengambil pendekatan mesra dengan memberikan pembelajaran cukai kepada pelanggan. Lencana yang tertera *tagline* *"Hasil Your Tax Education Partner"* dipakai oleh semua pegawai terlibat semasa operasi dijalankan.

Maklumbalas positif diterima daripada pembayar cukai apabila mereka berpeluang bertanya dan mendapatkan nasihat terus daripada pegawai LHDNM. Manakala risalah Percukaian yang dibekalkan semasa kunjungan tersebut banyak membantu mereka dalam memahami aspek percukaian.

# PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

## Program Siasatan

Aktiviti siasatan merupakan salah satu langkah penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM bertujuan untuk mencegah pelarian cukai, mengenalpasti orang yang bertanggungjawab ke atas pelarian cukai dan menghadapkannya ke mahkamah. Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, memberi keadilan kepada pembayar cukai yang patuh dan memungut jumlah cukai yang sepatutnya. Mulai tahun 2013, siasatan yang dijalankan adalah mengikut prosedur siasatan jenayah, di mana tindakan pendakwaan diambil untuk meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti siasatan ke atas kes-kes pelarian cukai.

Di samping menggunakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, siasatan juga menggunakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta CKHT 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA).

Sebanyak 36 kertas siasatan telah disediakan bagi tujuan pendakwaan sepanjang lahun 2014. Manakala, cukai dan penalti yang berjaya dikutip hasil siasatan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 6.38% iaitu berjumlah RM543.96 juta berbanding RM511.33 juta pada tahun 2013. Prestasi siasatan adalah seperti di bawah:

### Prestasi Siasatan




## Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Penguatkuasaan bagi larangan meninggalkan negara (Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967) diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) serta dipercayai akan keluar/ meninggalkan negara.

Jadual di sebelah menunjukkan statistik bagi tindakan larangan meninggalkan negara sepanjang tahun 2014.

### Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

| Jenis Cukai | Bilangan Kes Berkuat kuasa (Tahun 2013 dan Sebelum) | Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta) | Bilangan Kes Didaftarkan (Januari – Disember 2014) | Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta) | Bilangan Kes Dibatalkan (Januari – Disember 2014) | Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta) | Bilangan Kes Berkuat kuasa (Sehingga 2014*) | Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Cukai Pendapatan | 58,782 | 1,916.02 | 25,811 | 494.94 | 3,439 | 46.14 | 75,285 | 2,221.94 |
| Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) | 6,946 | 114.76 | 2,652 | 26.76 | 741 | 8.26 | 7,037 | 110.92 |
| **Jumlah** | **65,728** | **2,030.78** | **28,463** | **521.70** | **4,180** | **54.40** | **82,322** | **2,332.86** |

**Termasuk kes sebelum tahun 2014*

## Tindakan Guaman Sivil

Tindakan guaman sivil diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menyelesaikan cukai yang terhutang sama ada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Akta CKHT 1976 dengan memfailkan saman dan pernyataan tuntutan di mahkamah. Tindakan pendakwaan bagi mengutip tanggungan cukai yang terhutang dilakukan di mahkamah tertentu bergantung kepada amaun tanggungan cukai bagi setiap kes.

# PEMUNGUTAN

## Pungutan Melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB)

PCB ialah cukai yang dipotong oleh majikan ke atas pekerja yang layak dikenakan potongan mengikut Kaedah–kaedah Cukai Pendapatan (Potongan dari saraan) 1994. Ia bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai secara sekaligus semasa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan. Selain kaunter bayaran LHDNM, PCB juga turut dipungut melalui kaunter bank / pejabat pos dan perbankan internet. Terdapat peningkatan sebanyak 0.54% dalam kutipan PCB daripada jumlah keseluruhan pungutan hasil dalam tahun 2014 berbanding 14.25% bagi tahun 2013. Pencapaian pungutan melalui PCB berbanding keseluruhan pungutan hasil adalah seperti di bawah:

### Pencapaian Pungutan Melalui PCB



## Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran

Terdapat dua (2) skim bayaran ansuran cukai di bawah sistem taksir sendiri iaitu skim bayaran ansuran cukai Seksyen 107B dan Seksyen 107C Akta Cukai Pendapatan 1967.

Peruntukan Seksyen 107B adalah terpakai kepada pembayar cukai kategori selain daripada syarikat, koperasi dan badan amanah untuk membayar cukai secara ansuran dwibulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah LHDNM.

Manakala Seksyen 107C adalah terpakai bagi pembayar cukai kategori syarikat, koperasi dan badan amanah untuk membayar cukai dengan mengemukakan anggaran cukai (CP204) pada atau sebelum tarikh akhir dibenarkan mengikut tempoh asas perakaunan pembayar cukai.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar. Berikut merupakan pungutan cukai melalui skim bayaran ansuran CP500 dan CP204 bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013.

### Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran CP500 dan CP204




* *Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.*

** *Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.*

## Pengurusan Tunggakan Hasil

Sebagai agensi pemungut cukai utama kepada kerajaan, LHDNM bertanggungjawab memastikan tanggungan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan dapat dikutip dengan cekap dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya tunggakan hasil. Pengurusan tunggakan hasil sentiasa diutamakan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan amaun tunggakan ke tahap yang minimum bagi kes semasa di samping mengelakkan kewujudan tunggakan baharu. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 692,253 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki Akaun Belum Terima (ABT) sebanyak 70.97% dan melibatkan amaun RM5.94 bilion.

## Pungutan Cukai Pegangan

Cukai Pegangan ialah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin (individu/badan selain individu) dan dibayar kepada LHDNM. Pungutan Cukai Pegangan yang berjaya dipungut dalam tahun 2014 ialah RM2,205.10 juta mengikut kategori seperti jadual di bawah:

**Pungutan Cukai Pegangan Yang Berjaya Dipungut**

| Tahun | Seksyen 107A (RM Juta) | Seksyen 109 / 109B (RM Juta) | Seksyen 109C (RM Juta) | Seksyen 109D (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 2014 | 176.67 | 1,985.95 | 3.06 | 39.42 |
| 2013 | 157.54 | 1,820.18 | 4.40 | 30.80 |

# PERKHIDMATAN PELANGGAN

## Bayaran Balik

Piagam Pelanggan LHDNM bagi memproses bayaran balik lebihan cukai pendapatan tahun semasa adalah 30 hari bekerja bagi penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui kaedah e-Filing. Manakala 90 hari bekerja bagi penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui kaedah borang kertas (manual).

Keutamaan proses bayaran balik dalam negeri dibuat melalui mod *Electronic Fund Transfer* (EFT) dan bayaran ke luar negara melalui mod Pindahan Telegrafik (TT). Prestasi pembayaran balik lebihan bayaran cukai pada tahun 2014 adalah seperti di sebelah:

### Prestasi Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pada Tahun 2014

| | | 2014 | 2013 |
|---|---|---|---|
| Selain Syarikat | Bilangan Kes | 1,712,361 | 1,537,177 |
| | Amaun (RM Juta) | 2,466.26 | 2,007.27 |
| Syarikat | Bilangan Kes | 114,348 | 155,482 |
| | Amaun (RM Juta) | 5,701.46 | 5,714.94 |

## Pusat Khidmat Pelanggan (PKP)

PKP ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan percukaian khususnya menerusi telefon dan e-mel. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM dengan mudah melalui talian bebas tol 1-800-88-5436 (LHDN). LHDNM mempunyai dua (2) lokasi PKP iaitu di Petaling Jaya, Selangor dan di Kuching, Sarawak. Panggilan-panggilan yang diterima akan diagihkan secara automatik ke PKP Petaling Jaya atau PKP Kuching untuk dikendalikan.

PKP juga mengadakan kempen kutipan hasil yang dikendalikan oleh *Call-Out-Centre*. Ia merupakan satu pendekatan pemungutan tunggakan cukai secara mesra dan membantu di mana pembayar cukai akan dihubungi untuk memaklumkan tentang tunggakan cukai. Di samping itu, khidmat nasihat tentang prosedur pembayaran serta tindakan undang-undang (Guaman sivil dan penguatkuasaan Seksyen 104) turut dimaklumkan sekiranya pembayaran gagal dilakukan. Cara ini dapat mengurangkan tunggakan hasil dan meningkatkan kutipan. Prestasi PKP bagi tahun 2014 adalah seperti di bawah:



**Panggilan diterima: 376,094**
**Panggilan berjaya dijawab: 333,161**



**Emel diterima: 74,212**
**Emel dijawab: 74,212**



**Panggilan Keluar: 546,389**
**Kes Selesai (Panggilan): 526,506**
**Kes Selesai (RM): 2,583,476,099.88**

## Pusat Khidmat Hasil (PKH)

PKH merupakan pusat khidmat pelanggan yang menyediakan perkhidmatan seperti perkhidmatan duti setem, khidmat nasihat cukai pendapatan dan perkhidmatan yang diarahkan Kementerian Kewangan seperti BR1M. Jumlah PKH LHDNM seluruh Malaysia setakat 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

### Pusat Khidmat Hasil Seluruh Malaysia




Prestasi kutipan keseluruhan PKH tahun 2014 adalah seperti di bawah:

| Pusat Khidmat Hasil | 2014 (RM Juta) | 2013 (RM Juta) |
|---|---|---|
| PKH Alor Gajah | 1,832,578.60 | 1,223,146.05 |
| PKH Batu Pahat | 45,991,099.74 | 44,028,689.60 |
| PKH Bentong | 34,559,924.60 | 25,013,073.16 |
| PKH Besut | 2,345,010.15 | 2,138,608.70 |
| PKH Cyberjaya | 31,895,602.55 | 26,124,074.35 |
| PKH Hulu Langat | 133,007,749.66 | 102,187,702.46 |
| PKH Jasin | 2,061,712.60 | 1,914,685.85 |
| PKH Jerantut | 5,568,826.60 | 3,819,419.75 |
| PKH Kemaman | 10,148,062.75 | 8,567,179.10 |
| PKH Kuala Langat | 16,177,755.90 | 11,357,751.30 |
| PKH Kuala Pilah | 5,060,177.30 | 6,429,053.95 |
| PKH Kudat | 546,138.00 | 906,239.35 |
| PKH Kulim | 10,392,242.65 | 9,064,777.40 |
| PKH Lahad Datu | 2,646,617.85 | 3,749,614.65 |
| PKH Langkawi | 3,531,915.05 | 3,258,268.75 |
| PKH Limbang | 1,801,839.80 | 1,861,344.65 |
| PKH Manjung | 31,267,293.30 | 36,755,162.00 |
| PKH Mukah | 83,656.00 | 88,321.00 |
| PKH Pontian | 10,283,691.50 | 12,347,713.70 |
| PKH Seberang Perai | 10,232,887.90 | 7,366,799.35 |
| PKH Segamat | 14,864,781.38 | 17,027,900.50 |
| PKH Sri Aman | 1,164,269.55 | 1,473,363.75 |
| PKH Tampin | 4,396,633.20 | 5,172,285.05 |
| PKH Tanah Merah | 2,422,493.70 | 3,126,374.50 |
| PKH Kuala Kangsar* | 729,891.25 | - |

**Mula beroperasi pada 02 September 2014*

## Kemudahan Bayaran Cukai

LHDNM menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelanggan untuk membayar cukai. Selain kaunter bayaran yang ditempatkan di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu, pelanggan juga boleh membuat pembayaran cukai di kaunter-kaunter bank terlibat atau melalui perbankan internet. Prestasi pembayaran cukai pada tahun 2014 melalui kemudahan bayaran cukai yang disediakan adalah seperti di bawah:

### Prestasi Pembayaran Cukai Tahun 2014




* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi Duti Setem, Duti Harta Pusaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain(tidak termasuk bayaran secara perbankan internet

## Kaunter Setempat

Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit HASiL *Care Group* (dahulunya dikenali sebagai Unit Khidmat Pelanggan) di semua cawangan LHDNM termasuk 7 buah kaunter di *Urban Transformation Centre* (UTC) dan 25 PKH di seluruh negara.

Perkhidmatan ini membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa, mesra dan cepat. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai diberi peluang menyuarakan sebarang pandangan dan aduan melalui Borang Maklum Balas secara *online* di Portal Rasmi LHDNM yang ditempatkan di semua kiosk perkhidmatan elektronik kaunter LHDNM.

Maklum balas perkhidmatan pelanggan melalui sistem *e-Rating* hanya diaplikasikan di LHDNM Cawangan Petaling Jaya dan Kota Kinabalu yang merupakan cawangan perintis di bawah kelolaan MAMPU.

## PROGRAM PENDIDIKAN CUKAI

Program pendidikan cukai dirangka untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian melalui medium yang mudah diterima dan difahami. Di samping itu, ia juga bertujuan mendidik pembayar cukai tentang hak dan tanggungjawab mereka bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

### Aktiviti Program Pendidikan Cukai

Ke arah membantu pembayar cukai dan orang awam dalam mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah, tepat dan cepat, LHDNM telah melaksanakan program pendidikan cukai secara berterusan melalui taklimat, bengkel dan ceramah percukaian. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pembayar cukai oleh pegawai-pegawai LHDNM yang berpengalaman. Antara tajuk yang disampaikan ialah Tanggungjawab Pembayar Cukai (Individu Pemastautin), Tanggungjawab Pembayar Cukai (Individu Bukan Pemastautin), Tanggungjawab Majikan, PCB Sebagai Cukai Muktamad, Persediaan Persaraan, Promosi Perkhidmatan ezHASiL (e-Filing, TAeF, ByrHASiL, e-PCB, e-Data PCB, STAMPS,dll), Audit, CKHT, Koperasi dan lain-lain aktiviti berkaitan pendidikan dan kesedaran cukai. Statistik aktiviti dan peserta program pendidikan cukai seperti di bawah:

**Aktiviti dan Peserta Program Pendidikan Cukai**

| Tahun | Bil. Aktiviti | Bil. Peserta |
|---|---|---|
| 2014 | 2,738 | 95,321 |

### Khidmat Sokongan Peniaga

Bengkel Khidmat Sokongan Peniaga (KSP) menawarkan program khidmat nasihat kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai secara "*one-to-one*" atau tidak melebihi 10 orang peserta setiap sesi. Peserta untuk bengkel KSP diperoleh daripada laporan Kunjungan Mesra Hasil, audit luar, persatuan peniaga, dewan-dewan perniagaan, Pusat Giat MARA, agensi kerajaan dan swasta serta pembayar cukai yang hadir ke kaunter setempat cawangan atau senarai majikan berdasarkan rekod PCB. Ia meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan, penggunaan kod perniagaan yang betul dan pengiraan serta pembayaran cukai. Statistik bengkel KSP adalah seperti di bawah:

**Statistik Bengkel KSP dan Peserta**

| Tahun | Bil. Bengkel KSP | Bil. Peserta |
|---|---|---|
| 2014 | 609 | 5,283 |

## Pegawai Perhubungan Cukai (TRO)

Program pelantikan TRO di kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai orang perantara/ penghubung kepada pekerja-pekerja dalam menyalurkan maklumat, melaksanakan tugas sebagai pembayar cukai serta meningkatkan pemahaman cukai. TRO yang dilantik oleh ketua majikan adalah dari kalangan eksekutif sumber manusia, pegawai perhubungan awam atau pegawai latihan yang boleh dirujuk dengan mudah oleh pekerja lain. Sepanjang tahun 2014, seramai 1,481 orang TRO telah dilantik dan dilatih oleh LHDNM.

## Program HASiL4U

### Kempen penghantaran BNCP Tahun Taksiran 2014

Antara kandungan Program HASiL4U adalah termasuk Kempen penghantaran BNCP Tahun Taksiran 2014 melalui perkhidmatan elektronik seperti e-Filing atau m-Filing (aplikasi telefon pintar).

Kempen dan promosi berterusan bermula dari tempoh 1 Mac hingga 30 April bagi Borang BE dan 1 Jun hingga 30 Jun 2014 bagi Borang B dibuat di Cawangan LHDNM ataupun di premis agensi melalui permohonan yang diterima daripada Jabatan Khidmat Korporat / Pejabat Pengarah Negeri.

| Statistik Kaunter Perkhidmatan HASiL4U | 2014 |
|---|---|
| Bilangan Kaunter | 5,534 |
| Bilangan Pengunjung | 353,998 |

### Pameran dan Ekspo

Kaunter penerangan LHDNM dibuka bagi mempromosi penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun serta syarikat swasta. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2014 ialah *Mobile CTC / HR Open Day / Persidangan SME ASEAN / National Tax Conference 2014*.

### Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Program HASiL4U daripada LHDNM dirancakkan melalui penyertaan agensi di Pusat Transformasi Bandar (UTC). UTC dicetuskan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS6) yang menjadi satu mercu tanda perkhidmatan kerajaan yang terbaik kepada rakyat khususnya penduduk bandar.

Sehingga 31 Disember 2014, LHDNM Cawangan UTC telah dibuka di 7 buah negeri iaitu:

i. LHDNM Cawangan UTC Melaka
ii. LHDNM Cawangan UTC KL
iii. LHDNM Cawangan UTC Perak
iv. LHDNM Cawangan UTC Pahang
v. LHDNM Cawangan UTC Kedah
vi. LHDNM Cawangan UTC Sabah
vii. LHDNM Cawangan UTC Johor

Skop perkhidmatan LHDNM Cawangan UTC hanya untuk semakan fungsi penaksiran / pungutan / perkhidmatan elektronik ezHASiL dan khidmat nasihat percukaian tanpa melibatkan semakan fail fizikal.

## Seminar Percukaian

### Seminar Percukaian Kebangsaan

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian, pemilik syarikat, badan profesional, majikan dan orang awam. Dalam tahun 2014, LHDNM telah mengadakan seminar percukaian kebangsaan di 23 lokasi terpilih di seluruh negara.

### Seminar Percukaian Secara Kolaborasi

LHDNM juga turut mengadakan seminar-seminar secara kolaborasi dengan badan-badan profesional dan persatuan-persatuan seperti berikut:

i. *Round Table Discussion* CTIM
ii. Seminar Bajet Tahunan - CTIM
iii. Seminar Bajet Tahunan - M.A.T.A
iv. Seminar LHDNM-MEF
v. LHDNM-CTIM Tax Forum

| Jenis | Bilangan Lokasi | Peserta |
|---|---|---|
| Seminar Bajet Tahunan - CTIM | 10 | 2,105 |
| Seminar Bajet Tahunan - M.A.T.A | 7 | 1,723 |
| Seminar LHDNM-MEF 2014 | 15 | 2,368 |
| Seminar Percukaian Kebangsaan 2014 | 24 | 8,665 |
| LHDNM-CTIM TAX FORUM 2014 | 6 | 526 |

## Lawatan Ke LHDNM

Program lawatan ke Ibu Pejabat dan cawangan LHDNM oleh penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar seluruh Malaysia merupakan aktiviti berterusan pendidikan cukai yang dikendalikan sepanjang tahun. Pengisian program pendidikan cukai semasa lawatan ini adalah berbentuk ceramah pengenalan LHDNM serta kesedaran cukai, taklimat kerjaya di LHDNM dan lawatan ke kaunter-kaunter perkhidmatan. Aktiviti tambahan mengikut kesesuaian seperti kuiz Hasil juga digabungkan khusus untuk bakal-bakal pembayar cukai daripada IPT bagi memberi impak kepada informasi taklimat kesedaran cukai yang telah disampaikan.

## Kidzania Tax Office (KTO)

Kidzania ialah sebuah taman tema pendidikan dan hiburan yang memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk memainkan peranan dalam dunia pekerjaan di lebih daripada 60 industri dan perkhidmatan. LHDNM merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan dan juga merupakan agensi kerajaan yang pertama di Malaysia yang menjadi rakan kongsi rasmi di Kidzania Kuala Lumpur. LHDNM telah menempatkan cawangan yang dikenali sebagai KTO yang telah dibuka secara rasmi kepada pengunjung pada 14 September 2013.

Perkongsian pintar di antara Kidzania Kuala Lumpur dan LHDNM yang menempatkan KTO di mana kanak-kanak akan memainkan peranan sebagai Pegawai Penaksir LHDNM yang dikenali sebagai '*Junior Tax Officer*' (JTO) yang menjalankan tugas di KTO.

Melalui pendekatan ini, kanak-kanak yang juga merupakan generasi akan datang akan lebih memahami kepentingan cukai kepada pembangunan negara dan ke mana wang cukai dibelanjakan. Program ini dapat menerapkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk menjadi warga yang lebih bertanggunjawab kepada negara.

### Pengunjung Kanak-Kanak Kidzania Tax Office 2014



## Hebahan Dan Publisiti Menerusi Media

Program hebahan dan publisiti menerusi media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kesedaran cukai kepada orang awam. LHDNM sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kesedaran cukai dan berjaya mendapatkan slot-slot rancangan televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan secara percuma atau pada kadar bayaran yang paling minimum sepanjang tahun 2014.

Peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh media elektronik telah banyak membantu LHDNM mempromosi kempen penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan, kempen menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM serta lain-lain info percukaian. Melalui aktiviti publisiti yang dijalankan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan imej LHDNM di samping meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan membayar cukai pendapatan. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan penggunaan e-filing setiap tahun.

LHDNM juga menyebarkan maklumat percukaian melalui portal rasmi www.hasil.gov.my. Perkhidmatan portal rasmi ini telah dipertingkatkan dengan pengenalan portal rasmi baharu yang dibangunkan secara *in-house*. Ia dilengkapi dengan ciri-ciri interaktif dan lebih mesra pengguna. LHDNM turut menambah baik Sistem Maklum Balas Pelanggan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan aduan. Sehingga Disember 2014, sebanyak 16 perkhidmatan elektronik telah ditawarkan menggunakan jenama ezHASiL menerusi portal rasmi ini. Sebagai tambahan, LHDNM juga menggunakan laman Facebook dan Twitter bagi tujuan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan portal rasmi sedia ada di samping mendekati pembayar cukai melalui media sosial.

### Pengunjung Dan Saluran Maklumat Yang Disediakan LHDNM

| Saluran Maklumat | Pengunjung |
|---|---|
| Laman Sosial FB & Twitter | 234,276 |
| Portal Rasmi | 22,372,555 |

## Penerbitan LHDNM

Pada tahun 2014, pihak LHDNM telah menerbitkan beberapa bahan pendidikan cukai. Antaranya adalah:

- 19 jenis Risalah Percukaian dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Risalah percukaian ini diedarkan kepada pembayar cukai dan orang awam melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM.
- 8 jenis Poster Percukaian dalam versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Poster ini diedarkan kepada cawangan LHDNM seluruh Malaysia untuk dipamerkan di kaunter perkhidmatan LHDNM bagi tujuan menyalurkan maklumat kepada pembayar cukai dan orang awam.
- 1 buku panduan kepada peniaga berjudul "Saya Peniaga Bertanggungjawab".
- *Flyers* pendidikan cukai kepada pembayar cukai dan orang awam bersesuaian dengan masa dan keperluan perkhidmatan sepanjang tahun.
- Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun.

Bahan-bahan yang diterbitkan ini boleh dicapai dan dimuat turun daripada portal rasmi LHDNM secara percuma.

# PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

LHDNM sentiasa melakukan inovasi dan penambahbaikan dalam perkhidmatan elektronik yang ditawarkan kepada pelanggan dan masyarakat. Dikenali sebagai ezHASiL perkhidmatan ini banyak membantu dalam menjana peningkatan kutipan hasil dan penjimatan kos operasi.

Perkhidmatan elektronik sedia ada: e-Filing, m-Filing, e-Daftar, e-PCB, e-Data PCB, e-Lejar, e-Datapraisi, e-SPC, ByrHASiL, STAMPS, TAeF, e-Kemaskini, Kalkulator PCB.

Tambahan dalam tahun 2014: e-Bas, e-BNT C dan MyTax

## e-BaS

e-BaS merupakan satu kaedah penghantaran e-borang secara berkelompok melalui TAeF. Ia bertujuan untuk memudahkan proses penghantaran oleh ejen cukai. Kemudahan ini disediakan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan elektronik kepada pengguna. Ia telah dilancarkan pada 1 Mac 2014. Penyediaan perkhidmatan ini dapat menjimatkan masa pengisian e-borang, meminimakan kadar kesilapan kemasukkan data. Manakala bagi *software provider* pula mendapat pengesahan format XML yang memenuhi spesifikasi LHDNM.

## Borang Nyata Terpinda Syarikat (e-BNT C)

e-BNT C diperkenalkan selaras dengan pindaan peruntukan subseksyen 77(1A), Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2014 iaitu syarikat hendaklah mengemukakan borang melalui penghantaran secara elektronik. e-BNT C disediakan bagi membolehkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri (*self amendment*) ke atas maklumat atau taksiran yang telah dilaporkan sebelum ini secara dalam talian. Ia mula dilaksanakan pada Disember 2014.

## MyTax

MyTax ialah *digital mailbox* yang memaparkan aktiviti percukaian yang terkini bagi individu. Pembayar cukai boleh mengakses dengan menggunakan sijil digital. MyTax telah dilaksanakan pada 10 Julai 2014. Pada permulaan, MyTax dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada pembayar cukai untuk melihat maklumat seperti berikut:

i. Memaparkan pengumuman yang berkaitan aktiviti percukaian terkini.

ii. Peti Mel memaparkan status penerimaan borang elektronik bagi e-Be, e-B, e-BT, e-M dan e-MT serta makluman pembayaran balik yang telah dibuat oleh LHDNM

Prestasi bagi perkhidmatan e-Filing, e-Daftar dan e-Perkhidmatan (lain-lain) sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

## Prestasi e-Filing




## Prestasi e-Daftar




## Prestasi e-Perkhidmatan (Lain-lain)



## PEMBESARAN ASAS CUKAI

LHDNM turut berperanan membesarkan asas cukai negara bagi memastikan setiap pembayar cukai yang layak dikenakan cukai dimasukkan ke dalam jaringan cukai. Bagi mencapai objektif ini, keutamaan turut ditumpukan kepada pelaksanaan Program Banci Bisnes dan pengesanan maklumat pembayar cukai daripada pelbagai sumber. Program Banci Bisnes dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai dengan tujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan, membesarkan asas cukai, serta mengumpul maklumat asas pembayar cukai. Khidmat nasihat percukaian juga diberikan kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang dan peraturan percukaian yang perlu dipatuhi serta pembelajaran berkaitan potongan cukai yang tepat.

Bilangan premis dilawati pada 2014 adalah lebih rendah berbanding tahun 2013, kerana fokus kepada kualiti lawatan bukan lagi mengejar bilangan premis, sebaliknya lebih menekankan kepada pemahaman pembayar cukai terhadap tanggungjawab mereka. Semasa Kunjungan Mesra Hasil dijalankan, pendidikan percukaian dan khidmat nasihat turut diberikan kepada pembayar cukai.

Prestasi aktiviti Kunjungan Mesra Hasil sepanjang tahun 2014 adalah seperti di bawah:

### Prestasi Aktiviti Kunjungan Mesra Hasil

| Tahun | Bilangan Premis Dilawati | Fail Baharu Didaftarkan | Borang E/BN Tidak Dipatuhi | PCB Tidak Dipatuhi | Kes Dirujuk Kepada Audit Luar |
|---|---|---|---|---|---|
| 2014 | 22,775 | 2,962 | 11 | 30 | 217 |
| 2013 | 32,058 | 3,857 | 136 | 46 | 240 |

## HAK PEMBAYAR CUKAI

Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibangkitkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. Sekiranya pembayar cukai masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDNM, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi Borang Q dan Ketua Pengarah LHDNM akan mengemukakan kes tersebut kepada PKCP untuk membuat keputusan. Kedua-dua pihak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan PKCP dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan.

## Borang Q

| Bantahan | Cukai Pendapatan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Syarikat | | Individu* | | CKHT | |
| | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 |
| Dalam Proses (b/h)** | 67 | 13 | 4 | 1 | 2 | 0 |
| Difailkan Dalam Tahun | 331 | 194 | 40 | 22 | 27 | 8 |
| Jumlah | 398 | 207 | 44 | 23 | 29 | 8 |
| Selesai | 208 | 140 | 34 | 19 | 23 | 6 |
| Dalam Proses (h/h)*** | 190 | 67 | 10 | 4 | 6 | 2 |

## Rayuan

| Rayuan | PKCP | | Mahkamah Tinggi | | Mahkamah Rayuan | | Mahkamah Persekutun | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 |
| Dalam Proses (b/h)** | 288 | 199 | 34 | 29 | 35 | 40 | 4 | 1 |
| Difailkan Dalam Tahun Semasa | 189 | 100 | 22 | 23 | 12 | 16 | 7 | 6 |
| Jumlah | 477 | 299 | 56 | 52 | 47 | 56 | 11 | 7 |
| Selesai | 125 | 63 | 8 | 20 | 19 | 28 | 2 | 2 |
| Dalam Proses (h/h)*** | 352 | 236 | 64 | 32 | 28 | 28 | 9 | 5 |

** Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian.*
*** b/h: bawa hadapan dari tahun sebelumnya.*
**** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.*

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Program CSR diadakan untuk meningkatkan imej dan reputasi LHDNM, di samping memberi manfaat kepada kesejahteraan serta kepentingan masyarakat dan organisasi. Sehingga tahun 2014, pelaksanaan program CSR telah diperluaskan ke peringkat negeri dan cawangan-cawangan LHDNM untuk memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Jabatan Khidmat Korporat telah dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan semua aktiviti CSR LHDNM berdasarkan dimensi berikut :



Program / aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti di bawah:

## Pihak Berkepentingan (Stakeholders) - Dalaman (Hasilian)

### Minggu Sihat Hasil 2014

Minggu Sihat Hasil diadakan pada 23 hingga 27 Jun 2014 dengan tema "Budaya Kerja Sihat dan Selamat Memacu Produktiviti ". Program ini diadakan secara usahasama dengan Bahagian Pengurusan Risiko LHDNM bagi memberi kesedaran kepada Hasilian tentang budaya kerja sihat dan selamat. Antara aktiviti-aktiviti terlibat ialah pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah kesihatan dan pameran kesihatan. Selain itu, Skuad Sihat Hasil di semua cawangan LHDNM telah dilantik untuk menjalankan aktiviti kesihatan di setiap cawangan supaya program kesihatan hasil dapat dibuat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu di Ibu Pejabat LHDNM sahaja.

## Pihak Berkepentingan (Stakeholders) - Luaran (Pembayar Cukai)

Perkhidmatan '*extra miles*' dengan menyediakan telefon bimbit yang dibekalkan kepada *Customer Care Officer* (CCO) LHDNM bagi memudahkan pembayar cukai mendapat perkhidmatan terus daripada CCO.

## Pendidikan

### *Advance Pricing Arrangement* Seminar (APA) 2014

Seminar *Advance Pricing Arrangement* (APA) telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 28 Ogos 2014 di Johor Baharu dan pada 25 November 2014 di Cyberjaya. Seminar ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada syarikat di Malaysia berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh LHDNM berkaitan Perjanjian Harga Awal. Antaranya ialah:

- mempromosikan Perjanjian Harga Awal kepada syarikat Multinasional bagi transaksi merentasi sempadan;
- Menerangkan dengan lebih terperinci seksyen 138C Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Menerangkan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Penentuan Harga Awal) 2012; dan
- Menerangkan *Advance Pricing Arrangement Guideline*.

## Alam Sekitar

### CSR Marin Sabah

CSR Marin Sabah 2014 telah diadakan pada 11 Januari 2014 di Pulau Manukan,Sabah. LHDNM bekerjasama dengan Sabah Parks dalam kempen pemuliharaan batu karang bagi menghasilkan ekosistem batu karang yang baru melalui pembinaan dan penurunan unit-unit *coral frame* dan *concrete block* di dasar laut Pulau Manukan, Kota Kinabalu, Sabah.Ini adalah untuk memudahkan penanaman dan pertumbuhan *coral reef* bagi menggantikan batu karang yang telah rosak.



## Program Kelestarian Alam Hijau

Program Kelestarian Alam Hijau telah diadakan pada 14 dan 15 Mei 2014 bertempat di Persiaran Multimedia, Cyberjaya Mukim Dengkil, Daerah Sepang. Ia merupakan kolaborasi bersama Setia Haruman Sdn. Bhd. anak syarikat kepada Emkay Group. Program ini juga merupakan tanda sokongan pihak terlibat kepada usaha kerajaan untuk menjadikan Cyberjaya sebagai Bandar Rendah Karbon pada tahun 2025.



## Komuniti

### Program Jom Shopping Raya

Program Jom Shopping Raya telah diadakan pada 28 Jun 2014 bertempat di AEON Wangsa Maju dengan kerjasama Skuad Sayang Hasil, Cawangan Wangsa Maju. Seramai 30 orang anak yatim daripada Pusat Jagaan Anak Yatim Sri Kundang dipilih menyertai program ini, di mana mereka telah dibawa untuk membeli pakaian raya di AEON Wangsa Maju yang bermurah hati memberi potongan harga istimewa di samping turut menyediakan ruangan khas kepada anak-anak yatim untuk keselesaan mereka memilih pakaian yang disukai.



## Program Ihya' Ramadhan

Program Ihya' Ramadhan telah diadakan pada 24 Julai 2014 dengan kerjasama PERKIS LHDNM. Sumbangan kepada anak-anak yatim, asnaf dan orang kurang upaya telah disampaikan semasa majlis berbuka puasa. Program ini bertujuan meningkatkan keprihatinan di kalangan hasilian terhadap komuniti kurang bernasib baik yang memerlukan bantuan di samping menambah keberkatan menjalani ibadah puasa.



## Program Lawatan Sambil Belajar Anak-Anak Yatim Sri Kundang Ke KidZania

Program Lawatan Sambil Belajar Anak-Anak Yatim Sri Kundang telah diadakan pada 14 November 2014 dengan kerjasama Skuad Sayang Hasil Lembah Klang bagi mengendalikan seramai 36 orang anak-anak yatim daripada Pusat Jagaan Anak Yatim Miskin Sri Kundang. Program ini memberi peluang kepada anak-anak yatim mempelajari dunia baru di KidZania. Aktiviti yang dijalankan dapat membantu mereka mengenali dunia pekerjaan dan secara tidak langsung memberi pendedahan terhadap cita-cita mereka kelak.





# PERHUBUNGAN **ANTARABANGSA**

***Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth***

## PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI (PPPDK)

### PPPDK dan Perkembangan Percukaian Antarabangsa

Sehingga 2014, Malaysia mempunyai 74 Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dan satu Perjanjian Pertukaran Maklumat Cukai atau *Tax Information Exchange Agreement (TIEA)* yang berkuatkuasa. TIEA merupakan perjanjian yang dimeterai oleh negara pejanji khusus bagi tujuan kerjasama dalam hal percukaian menerusi pertukaran maklumat. Dalam tahun 2014, empat rundingan PPPDK telah diadakan iaitu dengan negara Azerbaijan, Chile, Fiji dan Republik Rakyat China.

Dalam *Phase 2 Peer Review* yang dikendalikan oleh *Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes*, Malaysia telah dinilai sebagai *Largely Compliant*. Selain itu, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk melaksanakan standard pertukaran maklumat yang baru melalui *Declaration on Automatic Exchange of Information in Tax Matters* di mana pertukaran maklumat pertama akan dilakukan oleh Malaysia pada tahun 2018.

Pertukaran maklumat di bawah *Foreign Accounts Tax Compliance Act (FATCA)* akan berkuatkuasa pada tahun 2015. Bagi tujuan itu, Malaysia telah mencapai *agreement in substance* pada Jun 2014 dan bakal memuktamadkan perjanjian dengan Amerika Syarikat.

Malaysia juga terlibat sama secara aktif dalam mesyuarat dan forum antarabangsa. Malaysia merupakan ahli kepada *Forum on Tax Administration (FTA)*, *Committee on Fiscal Affairs (CFA)*, OECD dan menghadiri mesyuarat *Working Party No. 1 (Tax Conventions and Related Questions), Working Party No. 6 (Taxation of Multinational Enterprises), Working Party No. 10 (Exchange of Information and Tax Compliance )* dan *Working Party No. 11 (Aggressive Tax Planning)*. Menerusi penglibatan ini, Malaysia turut serta dalam merangka peraturan dan mencari kaedah penyelesaian terhadap isu yang menjadi tumpuan mutakhir pentadbir cukai dunia iaitu *Base Erosion and Profit Shifting.*

### Jaringan antarabangsa

LHDNM telah menerima jemputan daripada pentadbir cukai dan organisasi untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai bidang. Sepanjang 2014, *General Department of Taxation Cambodia, Sri Lanka Institute of Development Administration, Revenue Mobilisation Allocation and Fiscal Commission of Nigeria* dan *Ministry of Finance India* melibatkan seramai 46 orang delegasi telah hadir ke LHDNM untuk mempelajari aspek teknologi maklumat, pemprosesan maklumat, pentadbiran percukaian dan pengurusan pungutan hasil.

LHDNM dan *Amsterdam Centre for Tax Law (ACTL)*, *University of Amsterdam* telah bersama-sama menganjurkan persidangan *Regional Integration of Different National Tax Systems Conference: The EU Experiences and its Lessons for ASEAN.* Persidangan tersebut berjaya mengumpulkan pentadbir cukai, penggubal dasar, pakar profesional dan para cendekiawan akademik dari dalam dan luar negara khususnya negara ahli ASEAN untuk membincangkan isu percukaian serta polisi pembangunan peraturan cukai ASEAN berdasarkan kepada pengalaman *European Union*.

Pegawai LHDNM turut berperanan menyumbang pengetahuan di peringkat antarabangsa selaku tenaga pakar dalam program latihan anjuran bersama IBFD dan *The Netherlands Tax Administration* bagi melatih pegawai *Rwandese Tax Authorities* selain program anjuran OECD di Akademi Percukaian Malaysia yang dihadiri oleh pegawai cukai dari pelbagai negara.

Kejayaan pentadbiran LHDNM terserlah apabila ia mendapat kepercayaan *Department of Inland Revenue Sri Lanka (IRDSL)* untuk memberi latihan kepada lebih 1,200 orang pegawainya menerusi 11 siri latihan *Training On E-Governance And Change Management* yang berlangsung mulai Oktober 2014 sehingga September 2015. Kecemerlangan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM memacu transformasi LHDNM terus diiktiraf sehingga beliau diundang khas oleh pentadbir cukai antarabangsa untuk berkongsi resepi kejayaannya menerusi taklimat *Transformation Experience in Malaysia* kepada pegawai *General Department of Taxation Cambodia* dan *General Department of Taxation of Mongolia* serta taklimat *Tax Administration Reform in Inland Revenue Board of Malaysia* di persidangan *The 5th IMF-Japan High-Level Tax Conference For Asian Countries - Emerging Tax Issues in Asia.*

LHDNM kekal aktif dalam pelbagai pertubuhan percukaian antarabangsa seperti OECD, SGATAR, JICA, ATAIC, CATA, IBFD dan sebagainya. Pemerkasaan pengetahuan dan kepakaran pegawai terus menjadi aspek yang ditekankan oleh LHDNM. Bagi tujuan itu, sepanjang tahun 2014 LHDNM telah menghantar seramai 241 orang pegawai untuk menyertai pelbagai lawatan penanda aras, kursus, latihan, seminar dan persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh pentadbir cukai dan pertubuhan percukaian antarabangsa.

## Prosedur Kesefahaman Kompeten (Mutual Agreement Procedure)

Dalam tahun 2014, tujuh kes MAP telah dikendalikan yang melibatkan isu pindahan harga, interpretasi dan aplikasi PPPDK, fi teknikal dan permohonan *Bilateral Advance Pricing Arrangement.*



**Singkatan:**

ATAIC : Association of Tax Authorities Islamic Countries
CATA : Commonwealth Association of Tax Administrators
IBFD : International Bureau of Fiscal Documentation
JICA : Japan International Cooperation Agency
OECD : Organisation for Economic Corporation and Development
SGATAR : Study Group on Asian Tax Administration and Research





# PEMBANGUNAN **ORGANISASI**

***Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth***

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Matlamat utama dalam pelaksanaan Pelan Strategik LHDNM berhubung sumber manusia adalah bagi melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi. Nilai-nilai murni berteraskan kompetensi perlu ada pada setiap individu bagi menjamin visi, misi dan hala tuju LHDNM yang ditetapkan dapat dicapai dengan jaya dan berkesan. Selaras dengan itu, satu model kompetensi telah dibentuk dan dibangunkan mengikut kompetensi yang terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu kompetensi Meta, Generik dan Kefungsian.

Penetapan kompetensi tersebut adalah penting di LHDNM kerana ia berkait rapat dengan pengurusan sumber manusia khususnya dalam aktiviti perancangan sumber manusia, pemilihan dan lantikan, pelan penggantian dan pembangunan, pengurusan prestasi, latihan dan pembangunan, pengurusan ganjaran dan hubungan pekerja.

Jumlah perjawatan, pengisian dan kekosongan mengikut bidang kedudukan bagi tahun 2014 di LHDNM adalah seperti di bawah:

### Jumlah Perjawatan, Pengisian & Kekosongan Mengikut Bidang Kedudukan

| Bidang | Perjawatan | Pengisian | Kekosongan |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 33 | 31 | 2 |
| Penaksiran | 6,581 | 6,348 | 233 |
| Teknologi Maklumat | 284 | 279 | 5 |
| Perundangan | 103 | 102 | 1 |
| Perakaunan | 303 | 301 | 2 |
| Pentadbiran* | 3,745 | 3,557 | 188 |
| **Jumlah** | **11,049** | **10,618** | **431** |

**Merangkumi bidang pentadbiran kejuruteraan, perpustakaan, perkhidmatan, jawatan kumpulan, keselamatan, psikologi dan lain-lain*

## Program Latihan Dalaman

LHDNM turut mempunyai institusi latihan yang dikenali sebagai Akademi Percukaian Malaysia (APM) yang bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti kepada pegawai bagi mewujudkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, *multi-skilled*, berintegriti, kreatif dan inovatif. Skop latihan yang disediakan adalah meliputi bidang penyiasatan, pengurusan, amalan audit serta perhubungan awam. Pelbagai program latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar berkelayakan melalui pusat latihan seperti berikut:

1. Pusat Latihan Akaun dan Audit
2. Pusat Latihan Undang-Undang
3. Pusat Latihan Siasatan
4. Pusat Latihan Pengurusan
5. Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai
6. Pusat Latihan dan Pembangunan ICT

## Pencapaian Program Latihan

Sepanjang tahun 2014, APM telah berjaya mengendalikan sebanyak 243 (87.7%) kursus seperti yang telah dirancang. Jumlah ini adalah tidak termasuk kursus yang telah dijalankan secara ad-hoc dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak luar. Pencapaian ini telah melebihi sasaran objektif kualiti yang menetapkan supaya dijalankan sekurang-kurang 85% kursus yang dijadualkan dalam Buku Program Latihan Tahunan. Prestasi program latihan adalah seperti di bawah:

### Prestasi Program Latihan

| Tahun | Bil. Pegawai Dilatih | Bil. Latihan Dirancang | Bil. Latihan Dilaksanakan | Peratus Pencapaian (%) | Sasaran Objektif Kualiti (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 2013 | 14,409 | 273 | 273 | 100.0 | 85 |
| 2014 | 10,043 | 277 | 243 | 87.7 | 85 |

## Program Latihan Antarabangsa

Pusat Latihan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi (PLAPI) merupakan salah satu pusat latihan di Akademi Percukaian Malaysia (APM). Selaras dengan dasar kualiti APM untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia melalui latihan berkesan, PLAPI komited untuk membangunkan modal insan secara berterusan menerusi program pembelajaran cukai dan kursus-kursus antarabangsa yang berkualiti dan dinamik. PLAPI bertanggungjawab untuk mengendalikan pengajian program usahasama dengan organisasi luar, pengajian program kerjasama teknikal Malaysia dan juga pengajian pembelajaran cukai.

Bagi memperluaskan perspektif dan pengetahuan pegawai-pegawai LHDNM dan juga peserta-peserta luar negara berkenaan dengan isu-isu antarabangsa, APM telah menjalinkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti *Commonwealth Association of Tax Administrations (CATA), the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), the International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD),* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*. Penganjuran kursus adalah dilaksanakan oleh PLAPI.

### Kursus-Kursus Usahasama Sepanjang Tahun 2014.

| Bil | Nama Kursus | Tempoh Kursus Dijalankan |
|---|---|---|
| 1 | IRBM-OECD: Taking Advantage Of The Mac And Automatic EOI | 17 – 21 Februari 2014 |
| 2 | IRBM-OECD: Negotiation Of Tax Treaties | 10 – 14 Mac 2014 |

| Bil | Nama Kursus | Tempoh Kursus Dijalankan |
| --- | --- | --- |
| 3 | IRBM – OECD: Advanced Auditing MNEs | 7 – 11 April 2014 |
| 4 | LHDNM – IBFD: Anti-Money Laundering And Tax Evasion | 14 – 18 April 2014 |
| 5 | IRBM – OECD: Advanced Auditing SMEs | 5 – 9 Mei 2014 |
| 6 | IRBM-MTCP- JICA Third Country Training Programme For Cambodia, Lao Pdr And Myanmar - Tax Administrative Course | 2 – 13 Jun 2014 |
| 7 | IRBM - CATA: Workshop On Taxation Of International Transactions (TOIT) | 9 – 27 Jun 2014 |
| 8 | IRBM-CTIM: National Tax Conference (NTC) | 12 – 13 Ogos 2014 |
| 9 | IRBM-MTCP: General Tax Administration Course | 18 Ogos – 5 September 2014 |
| 10 | IRBM – IBFD: Taxation Of Financial Markets | 25 – 29 Ogos 2014 |
| 11 | LHDNM – KPM: Kem Cerdik Cukai 2014 | 8 – 12 September 2014 |
| 12 | IRBM – OECD: Transfer Pricing Aspects Of Extractive Industry | 22 – 26 September 2014 |
| 13 | IRBM-MTCP: Introduction To The Application And Negotiations Of Tax Treaties | 27 Oktober – 7 November 2014 |
| 14 | IRBM – OECD: Case Studies In Transfer Pricing | 1 – 5 Disember 2014 |


ALASKA (USA)
GREENLAND (DENMARK)
C A N A D A
UNITED STATES OF AMERICA
MEXICO
R U S S I A
ICELAND
FAROE ISLANDS
SWEDEN
FINLAND
NORWAY
ESTONIA
BELARUS
POLAND
GERMANY
UKRAINE
FRANCE
ROMANIA
SPAIN
PORTUGAL
ITALY
GREECE
TURKEY
KAZAKHSTAN
MONGOLIA
C H I N A
JAPAN
SYRIA
IRAQ
IRAN
PAKISTAN
INDIA
SAUDI ARABIA
YEMEN
OMAN
ALGERIA
LIBYA
EGYPT
MAURITANIA
MALI
NIGER
CHAD
SUDAN
ERITREA
ETHIOPIA
SOMALIA
GUINEA
NIGERIA
CENTRAL AFRICAN REPUBLIC
DEMOCRATIC REPUBLIC OF THE CONGO
UGANDA
KENYA
TANZANIA
ANGOLA
ZAMBIA
NAMIBIA
SOUTH AFRICA
MADAGASCAR
LAOS
THAILAND
M A L A Y S I A
I N D O N E S I A
A U S T R A L I A
NEW ZEALAND
VENEZUELA
COLOMBIA
FRENCH GUIANA
B R A Z I L
PERU
BOLIVIA
ARGENTINA
FALKLAND ISLANDS (UK)
SOUTH GEORGIA (UK)





# BUDAYA KERJA **BERPRESTASI TINGGI**

***Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth***

## Pelaksanaan KPI LHDNM 2014

LHDNM melaksanakan pengukuran prestasi 2014 menerusi KPI LHDNM 2014 berpandukan lima(5) matlamat strategik dan mengandungi sepuluh (10) komponen yang terdiri daripada dua (2) komponen untuk mengukur pencapaian dalam fungsi pungutan dan bayaran balik cukai, dua (2) komponen bagi mengukur pencapaian fungsi pematuhan, satu (1) komponen mengukur fungsi penguatkuasaan, dua (2) komponen mengukur penyampaian perkhidmatan, dua (2) komponen mengukur latihan dan kompetensi kakitangan dan satu (1) komponen untuk mengukur kos operasi. Secara keseluruhan, LHDNM telah berjaya mencapai kesemua sepuluh (10) komponen KPI yang telah ditetapkan.

| Matlamat | Proses Utama | KPI 2014 | Pencapaian KPI 2014 |
|---|---|---|---|
| Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama | Kutipan Cukai | Kasar: RM140.148 bilion | Kasar: RM133.700 bilion |
| | Akaun Belum Terima (ABT) | Dikurangkan 56.20% daripada ABT (RM8,365 juta) pada 1/1/2014 | Dikurangkan 70.97%: RM5.937 bilion |
| | Kecekapan Kos Pungutan | Tidak melebihi RM1.14 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut | RM1.03 bagi setiap RM100.00 cukai yang dipungut |
| Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian | Audit (Audit Luar dan Audit Meja) | Fail syarikat (C/CS/TA/TC/TR): 12% daripada 567,662 fail aktif: 68,119 kes | Fail syarikat (C/CS/TA/TC/TR): 17.37% daripada 567,662 fail aktif 98,615 kes |
| | | Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): 22.53% daripada 1,775,333 fail aktif: 400,000 kes | Fail Individu (OG/D/TP/F/FA/J): 29.59% daripada 1,775,333 fail aktif: 525,349 kes |
| | | Fail Penggajian (SG): 20% daripada 4,492,192 fail aktif: 898,438 kes | Fail Penggajian (SG): 27.73% daripada 4,492,192 fail aktif: 1,245,968 kes |
| | | PCB Majikan: 11% daripada 457,550 fail aktif: 50,331 kes | PCB Majikan: 15.34% daripada 457,550 fail aktif: 70,177 kes |
| | Siasatan | Jumlah kes diselesaikan: 554 kes | Jumlah kes diselesaikan: 689 kes |
| | Bayaran Balik | Menyelesaikan 94% daripada permohonan bayaran balik | Selesai 99.85% permohonan (Selesai : 1,826,709 kes) |

| Matlamat | Proses Utama | KPI 2014 | Pencapaian KPI 2014 |
|---|---|---|---|
| Memperluaskan asas cukai | Semua jenis fail | 3.02% peningkatan berasaskan 7,292,737 fail aktif : 220,000 fail | 5.12% peningkatan berasaskan 7,292,737 fail aktif : 373,612 fail |
| Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa | Perkhidmatan elektronik LHDNM: e-Filing | 2,800,000 borang nyata diterima | 3,300,078 borang nyata diterima |
| Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi | Latihan | Melaksanakan 94% daripada 277 program latihan APM : 260 kursus | Melaksanakan 87.7% daripada 277 program latihan APM : 243 kursus |
| | Kompetensi pegawai dan staf LHDNM | Sekurang-kurangnya 60% daripada 10,701 pegawai LHDNM mencapai 56 jam latihan : 6,421 orang pegawai | Sekurang-kurangnya 79.34% daripada 10,701 pegawai LHDNM mencapai 56 jam latihan : 8,490 orang pegawai |

## Piagam Pelanggan

LHDNM komited untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan serta memberikan layanan yang adil dan saksama kepada pelanggan dalam segala urusan berdasarkan piawaian berikut:

| Bil. | Piagam Pelanggan | Menepati Piagam | Tidak Menepati Piagam | Status Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Semasa bagi: | | | |
| | • Pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari | 100 | 0 | ● |
| | • Pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April | 100 | 0 | ● |
| 2 | Menyediakan kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik | 100 | 0 | ● |
| 3 | Mengembalikan lebihan bayaran/ pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara: | | | |
| | • e-filing - 30 hari bekerja | 98.95 | 1.05 | ● |
| | • Pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja | 99.12 | 0.88 | ● |
| 4 | Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima | 96.74 | 3.26 | ● |
| 5 | Mengambil tindakan atau surat secara pindah milik harta bagi taksiran duti setem seperti berikut: | | | |
| | • Menghantar borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja | 99.08 | 0.92 | ● |
| | • Mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja | 96.03 | 3.97 | ● |
| | • Mengendorskan Borang KTN 14 A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja | 93.40 | 6.60 | ● |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | Menaksir surat cara selain daripada surat cara pindah milik harta tanah bagi:<br>• Taksiran Rasmi - 5 hari bekerja<br>• Taksiran tidak rasmi* - 1 hari bekerja terhad kepada 30 surat cara bagi setiap permohonan | 99.97 | 0.03 | ● |
| 7 | Menyelesaikan rayuan/bantahan selain daripada Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima | 90.99 | 9.01 | ● |
| 8 | Memproses Borang Q untuk dikemukan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya | 77.22 | 22.78 | ● |

*Nota:*
*Mulai 1.1.2009 taksiran tidak rasmi telah dibatalkan menurut pindaan Akta Setem 1949.*

**Petunjuk**

● Lebih daripada 70%

● 50% - 70%

● Kurang dari 50%





# ANUGERAH & **PENGIKTIRAFAN**

*Managing Tax Ecosystem For Sustainable Growth*

LHDNM telah menerima pengiktirafan melalui **Pensijilan ISO/IEC 27001:2005 dan MS ISO/IEC 27001:2007** bagi skop **Information Security Management System For Operation Of e-Filing System At Data Centre LHDNM,** Cyberjaya daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Tempoh bagi pensijilan ini adalah bagi tempoh 10 Januari 2014 - 30 September 2015.

**Tarikh: 10 Januari 2014**

LHDNM pemegang rekod baharu dalam senarai **The Malaysia Book of Records** di bawah kategori **LARGEST CORAL PLANTING EVENT** melalui program CSR Marin 2014, Pulau Manukan, Sabah.

Dengan kekuatan seramai 107 orang Penyelam Profesional LHDNM (*Hasil Divers*), 12 orang Penyelam Profesional dari Sabah Parks dan 10 orang *Dive Masters*, sebanyak 3,040 cantasan karang berjaya ditanam di Peranti Biodiversiti yang disediakan.

**Tarikh: 11 Januari 2014**

CEO LHDNM **YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar** telah menjadi personaliti jemputan pada program **Teh Tarik Talk** anjuran **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).** Program berkenaan dengan tajuk "SUPER CEO The Renaissance of LHDN" merupakan satu pengiktirafan kepada CEO LHDNM terhadap kepimpinan dan inovasi yang dibawa oleh beliau.

**Tarikh: 24 Januari 2014**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** dan **Universiti Utara Malaysia (UUM)** telah menandatangani **Memorandum Persefahaman (MoU)** bagi mengukuh, menggalak dan membangunkan kerjasama antara dua pihak.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan Profesor Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor UUM di Ibu Pejabat LHDNM di Cyberjaya.

**Tarikh: 5 Februari 2014**

LHDNM telah menerima pengiktirafan daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. melalui **Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi 2 skop iaitu:**

**a) Proses Penyediaan Bayaran Balik Individu Penggajian Bagi Kes e-Filing/m-Filing; dan**
**b) Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat (Fokus Audit)**

Proses pensijilan ini telah dilaksanakan di Ibu Pejabat dan melibatkan 4 cawangan pelaksana bagi skop bayaran balik dan 3 cawangan pelaksana bagi skop audit luar.

Tempoh bagi pensijilan ini adalah bagi tempoh 28 Februari 2014 - 27 Februari 2017.

**Tarikh: 28 Februari 2014**

YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, CEO Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah dianugerahkan **Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang bagi Kategori Anugerah Tokoh oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).**

Penganugerahan telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP pada 19 Mac 2014 sempena Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2013.

Anugerah ini diberikan kepada CEO LHDNM sebagai pengiktirafan atas sumbangan dan idea beliau dalam membantu perkembangan serta kemajuan UniMAP selama ini.

**Tarikh : 19 Mac 2014**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah dianugerahkan sebagai **Penerima** bagi anugerah **2012-2013 Corporate Award - Public Sector, Category 1** daripada **The Institute of Internal Auditors Malaysia** dalam satu majlis anjuran organisasi berkenaan. Anugerah berprestij ini diberikan atas komitmen berterusan oleh LHDNM dalam program **Continuous Professional Development** bagi 2 tahun berturut-turut.

**Tarikh : 21 Mac 2014**

**United Nations Public Service Awards : 2014 (UNPSA 2014)**
Pencalonan projek *Stamp Assessment and Payment System* **(STAMPS)** yang dicalonkan di bawah kategori '*Improving the Delivery of Services*', telah berjaya ke peringkat akhir penilaian bagi anugerah berprestij ini.

Walaupun projek STAMPS tidak dipilih sebagai pemenang anugerah namun kejayaan melepasi 3 peringkat penilaian yang dianggotai oleh panel pakar bertaraf antarabangsa, bersaing dengan projek yang dikemukakan oleh negara lain di dunia merupakan satu pengiktirafan dan pencapaian tersendiri oleh LHDNM.

**Tarikh: 14 Mei 2014** (Tarikh pemakluman keputusan)

YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, CEO LHDNM telah berjaya mengekalkan jawatan sebagai **Yang DiPertua Badan-Badan Berkanun bagi sesi 2014-2016.**

Kejayaan mengekalkan jawatan ini dengan keputusan sebulat suara ahli-ahli badan berkanun menggambarkan keyakinan mereka terhadap kepimpinan serta visi YBhg. Tan Sri.

**Tarikh: 21 Jun 2014**

**Pemakaian Pangkat Kolonel Kehormat :** YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, CEO LHDNM

Seluruh hasilian mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, CEO LHDNM sempena pemakaian pangkat Kolonel Kehormat yang telah disempurnakan oleh YB Menteri pertahanan Malaysia pada 1 Julai 2014 di Dataran Mindef, Kementerian Pertahanan Malaysia.

**Tarikh: 1 Julai 2014**

**CEO: Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan (UNITEN)**

YBhg. Kolonel (K) Tan Sri Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, CEO LHDNM telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada Majlis Konvokesyen UNITEN ke-17.

Pengijazahan ini adalah sebagai pengiktirafan atas sumbangan dan kecemerlangan CEO dalam memimpin LHDNM yang ternyata berjaya membantu kerajaan memacu negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020: Negara Maju Berpendapatan Tinggi.

**Tarikh: 17 Ogos 2014**

**1st Place Palm Potraits Photography Competition 2014**

Encik Jalias bin Ali, Pegawai Eksekutif (Penaksiran ) Gred 41, PPN Selangor telah memenangi *Palm Potraits Photography Competition* 2014 anjuran *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC).

Sebanyak 1500 penyertaan melibatkan peserta dari Malaysia, Filipina, Indonesia, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain telah diterima oleh MPOC dan Encik Jalias telah memenangi tempat pertama bagi kategori *People & Potraits* yang menawarkan hadiah sebanyak USD 3000.

Sesungguhnya kejayaan ini amat bermakna dan turut mengharumkan nama LHDNM.

**Tarikh: 4 September 2014**

**CAPAM 2014 International Innovations Awards (IIA)**

Pencalonan projek *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS) yang dicalonkan di bawah kategori 'Innovative Use of Technology in the Public Service', telah berjaya ke peringkat separuh akhir penilaian bagi anugerah berprestij ini.

Walaupun projek STAMPS tidak dipilih sebagai pemenang anugerah, kejayaan melepasi ke peringkat separuh akhir dan dipilih sebagai antara 50 projek terbaik dari 150 pencalonan yang diterima dari negara anggota Komanwel merupakan satu pengiktirafan dan pencapaian tersendiri oleh LHDNM.

**Tarikh: 8 September 2014**

**Penarafan 5 Bintang (SSR) 2013-2014**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dianugerahkan Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Penarafan Bintang (SSR) Agensi Sektor Awam 2013-2014 bagi kategori "Agensi Barisan Hadapan".

Penyampaian anugerah tersebut telah dibuat semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2014 pada 9 Oktober 2014 (Khamis) dan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara.

Sesungguhnya penganugerahan ini merupakan pengiktirafan atas kecemerlangan seluruh hasilian dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggan LHDNM, selari dengan *tagline* **HASiL *Your Feel Good Partner*.**

**Tarikh: 9 Oktober 2014**

CEO of LHDNM recipient of the **Most Eminent Brand Icon Leadership Award for Visionary Icon Category - 2014 Brand Laureate Awards**

CEO telah menerima anugerah **The Brand Laureate Most Eminent Brand Icon Leadership Award 2014** atas tema *I Did It My Way* oleh *Asia Pacific Brand Foundation* (APBF), sebuah badan ternama yang mengiktiraf **The Best Brand** termasuklah dalam aspek *Leadership* bagi rantau Asia Pasifik.

**Tarikh: 6 November 2014**

**Pelantikan LHDNM Dalam Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Kluster Perkhidmatan Kewangan**

LHDNM telah menerima surat pelantikan dalam Majlis Pelancaran Kluster Perkhidmatan Kewangan semasa Persidangan Tahunan Pusat Kecemerlangan Industri – *Industry Centre Of Excellence* (ICOE) pada 6 November 2014 di Palm Garden Hotel, IOI Resort City, Putrajaya.

**Tarikh: 6 November 2014**

**JOHAN Pertandingan Dikir Barat Mega Badan-Badan Berkanun Malaysia 2014**

LHDNM muncul **JOHAN Pertandingan Dikir Barat Mega Badan-Badan Berkanun Malaysia,** Kelantan 2014.

